



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

07 Jamadilakhir 1443 / 10 Januari 2022

1. Pada hari ini, Isnin 07 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 10 Januari 2022, sebanyak **44 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,678 orang**.
 - Daripada jumlah tersebut, **14** adalah kes tempatan manakala **30** adalah kes import.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **1,428 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **3.1%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **satu kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **tidak ada kes dalam**

Kategori 5 (memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif).

3. **8 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,364 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **212 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **5.2%**.
4. Sehingga kelmarin, 09 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.6%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.6%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **28.2%**.
5. Seterusnya, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberadaan kes-kes positif yang dikesan di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan sedikit hasil penelitian yang telah dijalankan. Sebagaimana yang tertera pada skrin sekarang, di antara **01 Januari 2022 sehingga 08 Januari 2022, Alhamdulillah, tidak ada mukim mempunyai lebih daripada 40 kes**, di

mana **17 mukim (43.6%)** mempunyai jumlah kes di antara **1-40 kes** dan **22 mukim (56.4%)** mempunyai kes sifar.

(epidemic map on screen)

6. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 8 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kesemuanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
7. Sementara itu, sejak Fasa Awal Endemik bermula pada 15 Disember 2021 sehingga sekarang, sebanyak **315 kes telah dikesan** di Negara Brunei Darussalam di mana **114 daripadanya adalah kes import**. Rajah yang tertera di skrin sekarang menunjukkan negara-negara dari mana kes-kes import tersebut telah tiba.
8. Dalam pada itu, daripada 22 November 2021 sehingga 10 Januari 2022, kaedah *gene sequencing* telah dilakukan terhadap **460 sampel** dari kes-kes positif yang dikesan di Negara Brunei Darussalam di mana **441 daripadanya didapati adalah varian *Delta*** manakala **19 sampel telah disahkan varian *Omicron***. Ini bermakna terdapat **tambahan 10 lagi kes *Omicron*** dilaporkan di Negara ini. Setakat ini, semua kes varian *Omicron* yang dikesan di

negara ini adalah kes-kes yang diimport dari luar negara manakala kes-kes varian *Delta* adalah terdiri dari kes-kes tempatan dan luar negara.

9. Marilah kita beramai-ramai memohon keampunan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dan merafa'kan doa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam terhindar dan terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya, khasnya wabak COVID-19..
Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 07 Jamadilakhir 1443H / 10 Januari 2022